



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
Public Service Department Of Malaysia (PSD)
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my
E-mel (E-mail): zabidi@jpa.gov.my

JPA(I)S.175/4/1-1 Klt .22 (38)

29 Februari 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENANGGUHAN PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN DASAR BERKURSUS TUJUH HARI SETAHUN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan langkah merasionalisasi Perkhidmatan Awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, dimaklumkan bahawa pelaksanaan dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 'Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam' (PP 6/2005) **adalah ditangguhkan.**

3. Penangguhan penguatkuasaan ini adalah bagi memberi ruang kepada semua agensi Kerajaan menyusun semula kursus-kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) mengikut keutamaan dan keperluan anggota berdasarkan kepada keupayaan kewangan agensi-agensi Kerajaan.

4. Sehubungan dengan itu, pencapaian pelaksanaan jumlah hari berkursus setiap anggota dan prestasi perbelanjaan peruntukan latihan oleh semua agensi juga **tidak akan diambil kira** sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua Ketua Jabatan.

5. Penangguhan adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, penangguhan ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)